

# BERITA **Utara**

---

## Bekalan haiwan korban di Perak cukup, lebih permintaan

Tarikh kemaskini: 06/08/2019



IPOH, 6 Ogos (Bernama) -- Menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha Ahad ini, bekalan haiwan korban di negeri ini dijamin bukan sahaja mencukupi, malah melebihi permintaan dan umat Islam dinasihati tidak bimbang tentang perkara itu.

Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan negeri, Abdul Yunus Jamahri berkata setiap tahun dianggarkan sebanyak 8,000 hingga 9,000 ekor lembu/kerbau dan 6,000 hingga 7,000 ekor kambing/bebiri digunakan untuk ibadah korban.

Katanya berdasarkan maklumat Jabatan Veterinar Perak, tahun ini permintaan dianggar meningkat antara dua hingga tiga peratus dan anggaran stok tersedia adalah lebih 10,000 ekor bagi lembu/kerbau serta lebih 8,000 ekor untuk kambing/bebiri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari.

Menurut Abdul Yunus, dari segi harga tiada kawalan ditetapkan, namun secara purata berlaku sedikit kenaikan antara RM200 hingga RM300 bagi setiap ekor temakan bergantung kepada berat haiwan itu.

"Contohnya lembu yang beratnya 230 kilogram (kg) hingga 270kg akan dijual pada harga antara RM4,000 - RM4,500 seekor," katanya

Selain itu, katanya kenaikan harga turut dipengaruhi oleh kadar pertukaran mata wang dan kos makanan ternakan itu yang kebanyakannya diimport.

-- BERNAMA